JABATAN PENDAFTAR
Department of Registrar
إدارة المسجل العام

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN JURUTEKNIK KOMPUTER

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | Juruteknik Komputer |
| **Badan Berkanun** | : | Universiti Sains Islam Malaysia |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Teknologi Maklumat |
| **Jadual Gaji** | : | (lihat jadual di bawah) |
| **Syarat Lantikan** | : | (lihat di bawah) |

**Jadual Gaji:**

| Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|---|
| FT19 | RM 1,377.00 | RM 4,052.00 | RM 100.00 |

**Syarat Lantikan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   a. warganegara Malaysia;

   b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   c.
      (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

      (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,377.00); atau

      (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

      (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,435.12); atau

      (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

      (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,493.24)

| | | |
|---|---|---|
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| **Fungsi Bidang Tugas** | : | Bertanggungjawab menyelenggara sistem komputer termasuklah penyelenggaraan pencegahan, penyelenggaraan kelengkapan teknologi maklumat dan penyelenggaraan aplikasi perkomputeran serta operasi sistem Universiti dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.<br><br>Kelulusan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2/ Tahap 3 dalam bidang juruteknik komputer atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya adalah suatu keperluan. |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **28 Jun 2023** |